

Lawatan kerja **DYMM TUANKU RAJA PERLIS**

Oleh: Salsuwanda Dato' Selamat
Jurutera Pengajar

DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Raja Muda Perlis merangkap Canselor UniMAP, telah berkenan mencemar duli berangkat ke Kompleks Pusat Pengajian Jejawi 3 untuk lawatan kerja pada 7 Februari 2007, bersamaan 19 Muharam 1428 H. Turut hadir adalah Y.Bhg. Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim, Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP.

Lawatan kerja DYMM Tuanku Raja Perlis diiringi oleh Y.Bhg. Dato' Hajji Sanad Said, Ahli Lembaga Pengarah UniMAP dan Y.Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP. DYMM Tuanku Raja Perlis telah berkenan dibawa melawat fasiliti pengajaran dan pembelajaran di Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS). Taklimat berkenaan pusat pengajian telah disampaikan oleh Dr. Khairul Nizar Ismail, Dekan PPKAS. Baginda turut mengambil peluang mengajukan beberapa soalan yang telah dijawab oleh Y.Bhg. Dato' Naib Canselor dan Dekan PPKAS.

Seterusnya, DYMM Tuanku Raja Perlis telah berkenan menghadiri pembentangan dua buah projek penyelidikan pelajar PPKAS. Projek-projek penyelidikan yang dikendalikan para pelajar tahun satu ini dijadualkan untuk menyertai pertandingan Engineering Invention 'N Innovation Competition bertempat di Universiti Malaya pada penghujung Februari 2007. Baginda mengucapkan selamat berjaya dalam pertandingan tersebut dan melahirkan rasa kagum terhadap minat yang ditunjukkan para penyelidik muda ini dalam bidang penyelidikan.

Sebelum berangkat pulang, DYMM Tuanku Raja telah berkenan menandatangani buku pelawat dan beramah mesra dengan para hadirin yang terdiri daripada para pelajar dan kakitangan PPKAS.